

**TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG. PROF.DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS SAMBUTAN EIDULFITRI 1433 H,**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

***12 September 2012 (Rabu), 10.00pagi***  
***Perkarangan Dewan Besar UTeM***

---

1 | m s

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera  
serta Salam 1 Malaysia

Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat, Pro Canselor UTeM dan  
Y.Bhg Puan Sri Datin Zarina binti Fazle Husein

1. Terlebih dahulu, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengalu-alukan kehadiran Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat, Pro-Canselor dan Y.Bhg. Puan Sri ke Majlis Sambutan Eidulfitri yang dilangsungkan secara rasmi di Perkarangan Dewan Besar, UTeM. Kesudian Y.Bhg. Tan Sri Pro Canselor & Y.Bhg. Puan

---

2 | m s

Sri untuk hadir pada majlis ini amat bermakna buat kami semua. Seterusnya izinkan saya meneruskan ucapan kepada para hadirin sekalian.

## **A) SALUTASI**

Y.Bhg. Datuk Ir. (Dr.) Haji Ahmad Zaidee bin Ladin, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti dan Y.Bhg. Datin,

Y.Bhg. Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti dan isteri,

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan isteri,

---

3 | m s

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan isteri,

Y.Bhg. Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dan isteri,

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) dan isteri,

Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan isteri,

Kesatuan-kesatuan Universiti - UTeMASA, PRAKTIS, KEKUTeM,  
Majlis Perwakilan Pelajar, Jawatankuasa Pelaksana Sambutan Hari

---

4 | m s

Raya 2012, pihak media massa, warga UTeM – staf & para pelajar UTeM yang dikasihi sekalian

## **B) PEMBUKA KATA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan kepada Yang Maha Berkuasa Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kuasaNYa, dapat kita bersama-sama pada hari yang penuh kesyukuran untuk sama-sama memeriahkan Sambutan Hari Raya Eidulfitri 1433H, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
2. Saya bagi pihak Pengurusan Tertinggi Universiti mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga

---

5 | m s

kepada semua dif-dif jemputan kerana sudi meluangkan masa bersama kami menghadirkan diri ke majlis yang penuh rasa muhibah, dalam suasana mesra dan terbuka.

*Kuning emas masaknya padi, Musim menuai penat berdiri  
Sanjungan kasih sekalung budi, Kehadiran Pro Canselor majlis berseri*

3. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan mengucapkan ‘Selamat Hari Raya Eidul Fitri, Maaf Zahir & Batin kepada semua yang hadir. Hari Raya yang disambut selepas menjalani ibadah puasa dan ihya’ Ramadhan ini adalah peluang terbuka untuk kita memperbaharui kehidupan yang hak (benar) dengan bermuhasabah serta memperbaharui

---

6 | m s

kembali perjalanan hidup agar menepati ajaran Allah dan Rasul-Nya.

4. Di majlis yang penuh kebahagiaan ini, saya menyeru kepada semua warga Universiti untuk bersama-sama beramah mesra, bermaaf-maafan dan mengeratkan lagi silaturahim sambil kunjung berkunjung serta menikmati juadah yang disediakan. Hargailah semangat perhimpunan besar keluarga UTeM yang terdiri daripada pelbagai komposisi skim perkhidmatan yang ada serta warga pelajar sekalian.

Hadirin hadirat yang dirahmati Allah,

5. Bulan Ramadhan yang baharu sahaja meninggalkan kita menuntut agar kita menjaga ibadah semoga dimakbulkan dan

---

7 | m s

diredhai Allah. Justeru di luar bulan Ramadhan bahkan di sepanjang hayat dikandung badan, kita mesti beriltizam untuk sentiasa memelihara ibadah agar kehidupan diberkati dan diredhai Allah SWT.

6. Saya sering menyeru agar warga UTeM mengamalkan sifat sejahtera. Ini kerana elemen sejahtera merangkumi pelbagai aspek seperti sejahtera fizikal, sejahtera dalam diri, sejahtera keluarga, sejahtera rakan, jiran dan yang penting sejahtera bagi semua warga UTeM. Justeru, majlis pada pagi ini merupakan medan terbuka untuk kita berinteraksi dan menghargai peranan yang telah dimainkan oleh semua warga Universiti. Tanpa sokongan dan usaha sama dalam

---

8 | m s

menjayakan banyak agenda Universiti pastinya tidak tercapai tanpa adanya hadirin sekalian.

Hadirin sekalian,

7. Kita akui bahawa masa hadapan sektor pengajian tinggi semakin kompleks lagi mencabar. Selain dari perlu memenuhi cabaran masyarakat berpengetahuan, sistem pengajian tinggi kita tidak lagi dinilai atau diperhatikan oleh masyarakat tempatan, tetapi turut terdedah kepada warga global. Hal ini memerlukan kita lebih berhati-hati dan sentiasa peka dengan perkembangan semasa.
8. Kepada para pelajar, saya ingin berpesan agar meneruskan pengajian dengan bersungguh-sungguh. Elakkan dari

---

9 | m s

menyertai aktiviti yang tidak berfaedah dan perilaku yang boleh menjaskan imej sebagai mahasiswa di IPT awam. Saya tegaskan di sini, pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab ke atas segala kejadian yang tidak diingini dan tidak teragak untuk mengambil tindakan. Ambil iktibar atas apa yang berlaku pada rakan-rakan di luar sana dan tamatkan pengajian sehingga berjaya.

9. Sempena Syawal yang penuh kemuliaan ini, marilah kita di Universiti Teknikal Malaysia Melaka ini memperbaharui azam dan tekad untuk membawa UTeM ke puncak kegemilangan. Cabaran paling getir yang harus diharungi oleh UTeM pada masa kini adalah untuk terus berusaha meningkatkan

---

10 | m s

kecemerlangan pengajaran, penyelidikan dan inovasi sehingga berkeupayaan bersaing diperingkat global.

10. Saya berharap agar majlis pada hari ini, berjalan lancar dengan suasana penuh kemeriahian. Saya pasti warga Universiti dan anak-anak semua tidak sabar untuk mengunjungi gerai-gerai yang disediakan. Nikmatilah keenakan juadah dari juadah yang telah disediakan oleh setiap Pusat Tanggungjawab yang bertemakan 1 MALAYSIA. Nikmati dan raikan kegembiraan ini, sebagai penghargaan atas komitmen tuan-puan dan puan serta anak-anak sepanjang berkhidmat dan belajar di UTeM.

---

11 | m s

11. Kita perlu bekerja dengan lebih kuat lagi, dalam satu pasukan. Tidak kira sesiapapun, maka kita perlu bersatu hati memajukan Universiti. Dalam negara dikurniakan keamanan dan keharmonian, kita bergerak satu azam, tidak mementingkan diri, bekerja dengan muhibah, tidak bermusuh, prasangka dan sebagainya. ~Terus bertekad menerajui Kecemerlangan~
12. Sebelum mengundur diri, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua yang telah menjayakan majlis ini. Akhir kata, saya berdoa mudah-mudahan apa yang kita lakukan ini diberkati dan semoga warga UTeM dilimpahi taufik dan hidayah dan kekuatan ke arah mencipta keunggulan Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

---

12 | m s

*Jari disusun restu dipinta, Jauh dekat rapat-rapatkan  
Bersalam-salaman sesamalah kita, Salah & silap harap dimaafkan*

Selamat Hari Raya Eidulfitri, Maaf Zahir dan Batin. Sekian wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.